

Berita Harian MALAYSIA

KHAMIS, 30 OGOS, 1979

Kenaikan untuk menjamin bekalan

BAGI kali keduanya tahun ini Kerajaan mengumumkan kenaikan harga bahan-bahan petroleum — pertama kalinya Jun lalu dan keduanya semalam yang berkuatkuasa hari ini. Walaupun nampaknya kenaikan kali ini seolah-olah seperti hasil tekanan syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga minyak — sejak beberapa waktu akhir ini bekalan minyak terutama minyak tanah dan diesel didapati berkurangan walaupun Kerajaan menjamin bekalan yang cukup — sebenarnya ia adalah hakikat yang tidak dapat ditolak lagi. Dalam membuat keputusan baru ini, seperti kata Datuk Seri Dr. Mahathir yang mengumumkannya semalam, Kerajaan telah berpuashati terdapat asas yang menasabah bagi kenaikan tersebut bukan saja kerana kenaikan yang ditetapkan oleh negara-negara Opec dan permohonan syarikat-syarikat minyak berikutan dengannya tetapi juga beberapa faktor lain.

Dengan kenaikan baru ini pun sebenarnya harga petroleum di negara ini masih rendah daripada di Singapura dan Thailand. Pukul rata harga petrol jenis premium kita masih rendah 21.6 sen daripada di Singapura, 24 sen daripada di Haadyai dan 32 sen daripada di Golok, sementara jenis regular pula rendah 28.6 sen, 39 sen dan 47 sen daripada di ketiga tempat itu. Harga yang lebih rendah berlaku pada minyak diesel, iaitu sebanyak 55.6 sen daripada di Singapura, \$1.18 daripada Haadyai dan \$1.27 daripada Golok.

Jika Kerajaan memutuskan untuk menetapkan harga lama untuk memberi kelapangan kepada rakyat, cara ia boleh melakukannya cumalah dengan menurunkan lagi cukai-cukai ke atas bahan itu. Ini berarti kekurangan hasil negara yang amat tinggi — dengan kenaikan baru ini pun Kerajaan terpaksa menanggung beban \$341 juta setahun dalam bentuk subsidi dan hasil yang tidak dapat dipungut. Kekurangan hasil yang lebih besar berarti terjejasnya pembangunan negara dan rakyat.

Tetapi selain itu akibatnya terhadap bekalan bahan petroleum itu sendiri di negara ini mungkin amat buruk. Dengan harga yang jauh lebih rendah daripada di Singapura dan Thailand, kemungkinan penyeludupan berleluasa ke negara-negara tersebut bukanlah mustahil memandangkan keuntungan besar yang boleh didapati darinya. Dengan harga sekarang kemungkinan itu adalah lebih kecil dan dengan demikian bekalan minyak di negara ini tidak akan terjejas. Dalam soal diesel pula, langkah-langkah ketat mengawal penjualannya di sini juga dapat memastikan ia tidak mengalir ke luar. Jadi, dari kita mengalami dua kerugian besar, iaitu kekurangan hasil dan bekalan minyak kerana penyeludupan, adalah lebih baik kita menderita sedikit kerana harga yang tinggi.